



BULETIN JKSS

BIL 3/2024

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SARAWAK TERIMA LAWATAN PENANDA ARAS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DARIPADA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK

29 April 2024 | 20 Syawal 1445H (Isnin)

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) telah menerima lawatan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak (JANMNS) sebagai Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam. Sebagai Jabatan yang telah diiktiraf dengan persijilan EKSA daripada pihak MAMPU, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah menjadi suri tauladan kepada JANMNS yang ingin memulakan pelaksanaan EKSA. Rombongan yang terdiri daripada seramai 25 orang pegawai diketuai oleh Encik Zainuddin Bin Manaf, Pengarah JANMNS selaku Pengerusi Jawatankuasa EKSA JANMNS. Rombongan telah dibawa melawat aras ke aras Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak bagi melihat sendiri pelaksanaan EKSA di ruang-ruang pejabat. Banyak perkongsian yang telah dibuat terutama sekali berkenaan struktur Jawatankuasa EKSA JKSS serta dokumentasi yang menjadi elemen utama dalam permarkahan Audit Persijilan EKSA oleh pihak MAMPU.



Rombongan lawatan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak merakamkan gambar kenang-kenangan bersama Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Sarawak.



Sesi taklimat kepada rombongan lawatan berkenaan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Jawatankuasa EKSA Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak



Sesi soal jawab dan perkongsian Rombongan Lawatan yang diketuai oleh Encik Zainuddin Bin Manaf, Pengarah JANMNS selaku Pengerusi Jawatankuasa EKSA JANMNS